

AKTIVITI PAK-21



AKTIVITI

Kedai Kopi

- 5.2.3 Menghuraikan kepentingan menjadi individu global
- 5.2.6 Mengamalkan sikap individu global dalam kehidupan harian

Tajuk: Jom Melancong

Objektif Pembelajaran

- Murid dapat menilai kepentingan menjadi individu global.
- Murid dapat menghayati dan mengamalkan sikap individu global dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.

Bahan dan Alatan

- Kertas kajang
- Pen penanda

Langkah-langkah

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan.
2. Seperti di kafe, murid duduk secara berkumpul di sebuah meja.
3. Setiap kumpulan akan dibahagikan mengikut empat bahasa yang berbeza.
4. Setiap kumpulan hanya bercakap dalam bahasa yang telah ditetapkan.
5. Ahli yang fasih akan menunjuk ajar ahli lain tentang perkataan mudah dalam bahasa tersebut melalui lisan dan bertulis.
6. Setiap kumpulan berbincang kelebihan apabila fasih berbahasa tersebut.

AKTIVITI PAK-21



AKTIVITI

Sketsa

- 5.3.4 Meramalkan implikasi pengabaian nilai kerohanian dalam diri individu
- 5.3.6 Mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan harian

Tajuk: Rasional dalam Tindakan

Objektif Pembelajaran

- Murid dapat menganalisis tiga implikasi pengabaian nilai kerohanian dalam diri individu.
- Murid dapat menghayati dan mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan haria secara tekal serta boleh dicontohi.

Bahan dan Alatan

- Kertas kajang
- Pen penanda

Langkah-langkah

1. Murid dibahagikan kepada enam kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan diberikan satu tajuk tentang gejala sosial
3. Setiap kumpulan diberikan masa dan melakonkan semula babak berkaitan tajuk gejala sosial yang dibincangkan.
4. Kumpulan lain menulis implikasi perbuatan yang dilakonkan dalam kertas kajang.
5. Kumpula lain menyatakan implikasi tersebut kepada keseluruhan kelas untuk memberi kesedaran.
6. Ulang langkah yang sama untuk semua kumpulan.

AKTIVITI PAK-21



AKTIVITI

Sumbang Saran

- 5.4.2 Mengenal pasti tatacara menggunakan sumber dan penyebaran maklumat demi kesejahteraan sejagat
- 5.4.3 Menghuraikan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menggugat kesejahteraan sejagat
- 5.4.4 Mecerakinkan implikasi penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menggugat kesejahteraan sejagat

Tajuk: Tidak Pasti Jangan Kongsi

Objektif Pembelajaran

- Murid dapat menerangkan tiga tatacara menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat demi kesejahteraan sejagat.
- Murid dapat menghuraikan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menjejaskan kesejahteraan sejagat.
- Murid dapat mencerakinkan implikasi penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menjejaskan kesejahteraan sejagat.

Bahan dan Alatan

- Situasi soalan (dipaparkan/sampul soalan)
- Cabutan nombor

Langkah-langkah

1. Guru membuat cabutan nombor (merujuk kepada murid).
2. Guru menayangkan situasi soalan. Guru meminta murid tersebut menjawab soalan berkaitan dengsn situasi tersebut.
3. Guru meminta murid lain menambah idea sekiranya ada.
4. Meneruskan langkah yang sama sehingga soalan selesai.

AKTIVITI PAK-21



AKTIVITI

One Stay, Three Stray

- 6.1.2 Mengenal pasti cara melaksanakan integriti dalam organisasi
- 6.1.3 Menghuraikan kepentingan amalan integriti dalam organisasi
- 6.1.4 Meramalkan implikasi sekiranya amalan integriti dalam organisasi tidak dipraktikkan

Tajuk: Perkongsian Idea

Objektif Pembelajaran

- Murid dapat mengenal pasti dua cara melaksanakan integriti dalam organisasi.
- Murid dapat menghuraikan dua kepentingan amalan integriti dalam organisasi.
- Murid dapat meramalkan tiga implikasi sekiranya amalan integriti dalam organisasi tidak dipraktikkan.

Bahan dan Alatan

- Kertas mahjong
- Pen penanda berwarna merah dan biru

Langkah-langkah

1. Murid dibahagikan kepada enam kumpulan
2. Setiap kumpulan diberikan satu soalan berdasarkan situasi.
3. Setiap kumpulan akan berbincang dan menulis idea menggunakan pen penanda berwarna biru di atas kertas mahjong.
4. Selepas selesai, seorang wakil kumpulan akan berada tetap dalam kumpulan manakala ahli lain bergerak ke kertas mahjong kumpulan lain.
5. Mereka diberi penerangan oleh ahli yang tinggal.
6. Mereka menambah idea dengan pen penanda berwarna merah jika ada penambahan idea.